



NAMA : _____ KELAS : _____

Baca petikan, kemudian jawab soalan berikut.

Encik Mazlan ialah usahawan buah jambu batu. Beliau telah mengusahakan tanaman tersebut selama enam tahun. Kini, beliau mempunyai empat ribu batang pokok jambu batu.

Kejayaan Encik Mazlan ini menjadikan beliau pembekal buah jambu batu utama di utara Semenanjung Malaysia. Beliau hanya menjual jambu batu yang kualiti sahaja di pasaran. Bagi jambu yang tidak berkualiti Encik Mazlan akan memprosesnya menjadi jus jambu batu asli. Jus jambunya juga mendapat permintaan tinggi daripada pembeli oleh kerana rasa aslinya yang sangat sedap.

Harapan Encik Mazlan ialah beliau berharap agar dapat meluaskan jualan buah jambu batunya ke seluruh pelusuk negara Malaysia.

1. Apakah produk yang dijual oleh Encik Mazlan?
 - A lobak merah
 - B kelapa sawit
 - C jambu batu
2. Di manakah buah jambu batu Encik Mazlan banyak di jual?
 - A selatan Malaysia
 - B timur Malaysia
 - C utara Malaysia
3. Selain daripada Buah Jambu, apakah produk lain yang diusahakan oleh EncikMazlan?
 - A jus jambu madu
 - B jus jambu batu
 - C jus delima madu
4. Apakah harapan Encik Mazlan terhadap perniagaannya?
 - A dapat menjual buah jambu batu ke seluruh Negara
 - B dapat membantu mereka yang dalam kesusahan
 - C dapat menghasilkan lebih banyak jus jambu batu



Lengkapkan karangan dengan jawapan yang betul.

Sama-sama	apa	Ini	Encik Chong
duitnya	lain-lain	memang	
Amboi	murah	dikurangkan	
Nampaknya	harga sekilo	Puan Kamsiah	

Perbualan antara penjual ikan dan pembeli

- Puan Kamsiah : Selamat pagi, _____ .
- Penjual Ikan : Selamat pagi, _____. Apa khabar?
- Puan Kamsiah : Khabar baik. _____ banyak ikan hari ini.
- Penjual Ikan : Ya, pada waktu pagi _____ ada banyak ikan.
- Puan Kamsiah : Ikan _____ yang ada?
- Penjual Ikan : Ada ikan merah, ikan kembung, ikan parang dan _____ lagi.
- Puan Kamsiah : Berapakah _____ ikan parang ini?
- Penjual Ikan : Lima ringgit! _____ sahaja.
- Puan Kamsiah : Lima ringgit! _____, mahalunya!
Kurangkanlah sedikit.
- Penjual Ikan : Maafkan saya, kak. Harganya tidak boleh _____
lagi. Kalau kakak mahu yang ambillah ikan kembung ini.
- Puan Kamsiah : Baiklah. Kalau begitu berilah ikan kembung
sekilo.
- Penjual Ikan : _____ ikannya, kak.
- Puan Kamsiah : Ini _____.
- Penjual Ikan : Terima kasih.
- Puan Kamsiah : _____.